

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Foodpanda (dijenamakan dengan semua huruf kecil sebagai foodpanda) ialah sebuah pasaran penghantaran makanan mudah alih yang beribu pejabat di Berlin, Jerman berurusan di 10 negara dan wilayah. Perkhidmatan ini membenarkan pengguna untuk memesan dan menempah makanan dari restoran dan kedai makan tempatan melalui aplikasi telefon juga dari laman sesawang. Syarikat itu telah berkongsi perkhidmatan dengan 27,095 restoran di 193 bandar dan mempunyai lebih daripada 15,733 penghantar pesanan. Firma tersebut telah diperoleh *Delivery Hero* pada awal Disember 2016.

CLO 3

Anda ditugaskan untuk menghasilkan semula **SATU (1)** reka bentuk **poster** yang bersaiz A4 (orientasi potret). Poster yang dihasilkan perlu menggunakan *tagline* 'You Order We Deliver' dan mengandungi maklumat-maklumat yang bersesuaian untuk mempromosikan *foodpanda*. Reka bentuk poster yang akan dihasilkan hendaklah kreatif, menarik dan bersesuaian serta tidak menyentuh sensitiviti sesuatu syarikat atau jenama produk. Proses menghasilkan semula poster ini perlu berpanduan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Tentukan konsep iklan produk atau perkhidmatan. (C1)
 - i) Nyatakan jenama produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)
 - ii) Nyatakan *tagline* produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)
 - iii) Nyatakan kategori produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)

b) Tunjukkan susun atur (*layout* iklan). (C2)

i) Tunjukkan lakaran empat (4) *thumbnail*.

(10 markah)

ii) Tunjukkan lakaran semi-komprehensif.

(10 markah)

iii) Tunjukkan lakaran komprehensif.

(10 markah)

c) Tunjukkan hasil iklan. (C3)

i) Hasil iklan dengan susunan elemen yang kreatif dan memenuhi prinsip rekabentuk menggunakan perisian yang sesuai.

(10 markah)

ii) Hasil iklan menepati idea dan konsep yang dipilih.

(10 markah)

iii) Hasil cetakan berkualiti dengan menggunakan kertas berkualiti.

(10 markah)

iv) Hasil dokumentasi proses kerja yang lengkap dan tersusun.

(10 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab